

29/04/1998

Maal Hijrah disambut secara sederhana

KUALA LUMPUR, Selasa - Umat Islam di seluruh negara hari ini mengadakan sambutan Maal Hijrah 1419 secara sederhana tetapi penuh dengan rasa keinsafan dalam menguatkan tekad dan jati diri untuk mengharungi kegawatan ekonomi.

Perhimpunan sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan bertema 'Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita' diadakan di Pusat Islam di sini dan bukan di Stadium Negara seperti sebelum ini sebagai langkah berjimat cermat.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jemaah menteri dan perwakilan asing menyertai kira-kira 1,300 umat Islam pada majlis itu yang diserikan dengan persembahan pantomim, nasyid dan mendeklamasi puisi.

Di KANGAR, sasterawan Nahmar Jamil ialah antara empat penerima anugerah tokoh Maal Hijrah peringkat negeri daripada Raja Perlis.

Nahmar, 60, atau nama sebenarnya Na'man Rawi membabitkan diri dalam bidang penulisan berunsurkan Islam sejak lebih 40 tahun lalu dan kini giat menulis puisi dan cerpen Islam.

Turut menerima anugerah itu ialah pensyarah Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Ahmad Jusoh, 56, yang lebih dikenali sebagai Ahmad Libya, Penolong Pengarah Pentadbiran Yayasan Islam Perlis, Taib Hassan, 63, serta bekas anggota Majlis Fatwa Perlis, Ustaz Saad Ismail, 73.

Di KUCHING, sambutan diadakan malam tadi di Masjid Jamek di Petra Jaya dengan dihadiri Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammaed Noor dan Toh Puan Rosmiati, serta 5,000 umat Islam.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan pembesar negeri.

Di KOTA KINABALU, seramai 3,000 penduduk ibu negeri membanjiri Dewan Perdana Majlis Ugama Islam Sabah (Muis) yang dilancarkan Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee.

Pada majlis itu, Sakaran menyampaikan Hadiah Rakan Muda Cemerlang kepada Awang Shaari Daum.

Di KOTA BHARU, sambutan Maal Hijrah peringkat negeri berlangsung di Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, dekat sini malam tadi.

Majlis itu dirasmikan Sultan Kelantan dan turut dihadiri Raja Perempuan; Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat serta Exco kerajaan negeri.

Penulis buku agama, Datuk Yusof Zaki Yaakob, 73, menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah '98 peringkat negeri Kelantan.

Di KUANTAN, Sultan Pahang yang berucap pada Majlis Sambutan Maal Hijrah di Dewan Konvensyen Negeri, meminta semua umat Islam menghidupkan semula budaya berhijrah dan berjemaah bagi memantapkan lagi keharmonian masyarakat serta institusi kekeluargaan.

Di IPOH, Sultan Azlan Shah ketika berucap pada majlis sambutan Maal Hijrah 1419 peringkat negeri, menyeru umat Islam menginsafi kegawatan ekonomi yang disifatkan sebagai ingatan bahawa ia berpunca daripada kecuaiian dan keangkuhan manusia sendiri.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah Perak kepada tokoh agama dari Hilir Perak, Mad Hisham Anang, 71, yang juga Mudir Madrasah Irsyadiyah, Batu 26, Bagan Datoh.

Di GEORGETOWN, Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir meminta masyarakat setempat menghentikan amalan menuding jari menyalahkan orang

lain yang menjadi penyebab masalah pencemaran alam sekitar.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian majlis Perhimpunan Ummah sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat negeri di Dewan Sri Pinang.

Di samping menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah 1419 kepada Mohd Shapien Mat Zin, beliau juga menyerahkan sijil pujian kepada pemenang Hadiah Masjid Terbaik negeri.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu menganggap antara punca kegawatan ekonomi yang melanda negara ialah kerana berleluasanya amalan pembaziran oleh sebahagian masyarakat.

Sehubungan itu, umat Islam mesti lebih bijak mengurus perbelanjaan dan berhemat serta mengamalkan sikap suka menabung, katanya pada majlis sambutan Maal Hijrah 1419 peringkat negeri di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Kusza) Gong Badak, dekat sini hari ini.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah meminta umat Islam supaya mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia ada dalam menghadapi rintangan dan halangan yang bakal melanda di tahun baru ini, terutama ketika negara sedang menghadapi masalah ekonomi.

Dalam menghayati semangat Maal Hijrah, sikap yang tidak selari dengan tuntutan syarak hendaklah dijauhi, kata beliau ketika berucap pada perhimpunan Maal Hijrah di Wisma Darul Aman, di sini.

Di SEREMBAN, umat Islam di negeri ini perlu lebih bersedia mengharungi cabaran yang semakin hebat, terutama ketika era pembangunan pesat abad ke-21, kata Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad pada majlis sambutan Maal Hijrah di Pusat Dakwah Islamiah Paroi, hari ini.

Pada majlis itu, Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar, menyampaikan anugerah tokoh Maal Hijrah kepada guru agama, Ali Musa, 75, dari Kampung Siliau, Rantau manakala Anugerah Kualiti Kecemerlangan disandang oleh Samsung Electronics Group (M).

DI JOHOR BAHRU, kira-kira 1,000 umat Islam termasuk Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Exco kerajaan negeri, ketua jabatan, pegawai dan kakitangan negeri dan Persekutuan hadir pada majlis sambutan Maal Hijrah peringkat negeri di Kompleks Pusat Islam, di sini.

Sambutan diadakan secara sederhana dimulakan dengan bacaan al-Quran, berzanji dan ceramah agama.

Pada majlis itu, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM), Datuk Ahmad Arshad, 77, diumumkan sebagai tokoh Maal Hijrah 1418.

(END)